

#SeafarersAreKeyworkers

**PERINTAH
KAWALAN
PERGERAKAN
PEMULIHAN**

BERMULA 10 JUN 2020

**SEHINGGA
31 OGOS 2020**

BH
ONLINE

@mkn_rasmi



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

YBhg Dato' Haji Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid

KETUA EDITOR

azHan



EgBert



YaTi



EDITOR / REKA BENTUK

ReEta




hafEez



URUS SETIA

ShaRifah



siTi

Unit Korporat

Ibu Pejabat Jabatan Laut Malaysia, Peti
Surat 12, Jalan Limbungan, 42007
Pelabuhan Klang, Selangor

Fax: 603-31685289

Tel: 603-33467620



jabatanlaut




@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share


MENGENALI JLM (JABATAN LAUT WILAYAH SABAH)



Sejarah penubuhan Jabatan Laut Wilayah Sabah telah bermula seawal zaman pemerintahan kolonial British di kepulauan Borneo Utara dengan penubuhan rumah api di Pulau Kalampunian pada tahun 1925.

Rumah api ini merupakan yang pertama dibina di Kepulauan Borneo Utara dan berfungsi membantu kapal-kapal dagang daripada China.

Pejabat pertama Jabatan Laut telah dibina di Liberty Wharf, Labuan bagi memberikan perkhidmatan bantuan pelayaran seperti rumah api dan alat bantuan pelayaran lain di perairan Sabah. Pejabat Jabatan laut pada masa tersebut adalah sebuah bangunan yang diperbuat daripada kayu dan beratapkan daun. Bangunan tersebut seterusnya dinaik taraf menjadi Pejabat kastam dan Eksais Diraja W.P Labuan dan masih digunakan sehingga kini.




Pada April 1957, pusat pentadbiran Jabatan kemudiannya telah dipindahkan ke bangunan Ibu Pejabat Laut Sabah di Labuan. Seawal penubuhannya, Jabatan Laut Sabah diketuai oleh seorang *Marine Supritendent*, namun pada tahun 1959 gelaran tersebut telah ditukarkan kepada *Director of Marine* (Pengarah Laut).




MENGENALI JLM (JABATAN LAUT WILAYAH SABAH)

Pada tahun 1961, Jabatan Laut Sabah telah menubuhkan unit/bahagian baru yang dikenali sebagai *Marine Training School*. Unit/bahagian ini terbahagi kepada dua bidang iaitu bidang *Navigation and Steamship* (128 pelajar) serta *Engineering Practice and Theory* (63 pelajar). Seterusnya pada tahun 1962, beberapa perubahan besar telah berlaku dalam Jabatan ini melalui pembukaan pejabat-pejabat cawangan baru di beberapa lokasi.



Melalui penubuhan pejabat-pejabat cawangan, beberapa jawatan di Bahagian Pelabuhan dan Dermaga yang berkaitan secara langsung dengan *State List*, dibawah Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan telah dipindahkan ke dalam anggaran Kerajaan Negeri Sabah. Ini menyebabkan pentadbiran bagi Bahagian Pelabuhan dan Dermaga telah dipisahkan daripada Jabatan Laut pada 1 Januari 1953 dan kini dikenal sebagai Jabatan Perlabuhan dan Dermaga Sabah.

Pada 1 Mac 2001, Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan dan Laut Cina Selatan telah ditubuhkan. Ini selari dengan perkembangan semasa dan keperluan yang mantap dalam sektor maritim di Malaysia. Oleh kerana Labuan telah dipindah status kepada Wilayah Persekutuan (W.P) pada tahun 1984, maka Jabatan Laut Sabah telah memindahkan pusat operasi Ibu Pejabat Laut Sabah yang sebelum ini terletak di W.P.Labuan ke Kota Kinabalu pada 2 Januari 2002. Pada awal perpindahan operasi ibu pejabat, Jabatan Laut Sabah telah menyewa ruang pejabat di Gaya Center sebelum berpindah ke Kompleks Ibu Pejabat Laut Sabah pada Julai 2005.



MENGENALI JLM (JABATAN LAUT WILAYAH SABAH)



Kompleks Ibu Pejabat Laut Sabah ini merupakan salah satu rancangan kerajaan dibawah Rancangan Malaysia ke-8 bagi memodenkan serta memantapkan Jabatan Laut Sabah. Kompleks yang bernilai RM 27,500,000.00 mempunyai kemudahan-kemudahan seperti bangunan Ibu Pejabat Laut, Pejabat Laut Cawangan Kota Kinabalu, dewan serbaguna, kafeteria, surau, 100 unit apartmen, 10 unit rumah berkembar serta sebuah unit banglo. Selain itu, beberapa projek lain turut dilaksanakan oleh Jabatan dalam Rancangan Malaysia ke-8 seperti pemerolehan Kompleks Pejabat dan perumahan kakitangan di Sandakan, serta bangunan pejabat dan perumahan di Tawau.

Sebelum Jabatan Laut Malaysia ditubuhkan, Jabatan Laut terdiri daripada Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sabah dan Jabatan Laut Sarawak yang masing-masing mempunyai Ketua Perkhidmatan yang berasingan.

Pada 1 Januari 2011, ketiga-tiga Jabatan ini telah bergabung secara pentadbiran dengan nama baharu iaitu Jabatan Laut Malaysia dan Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia menjadi Ketua Perkhidmatan.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

MENGENALI JLM (JABATAN LAUT WILAYAH SABAH)



Mantan Pengarah Sabah

Lieut Cdr. W.
Gibson R.N.R
(1950 – 1962)

A.H. Masterton
Smith
(1962 – 1969)

Kapten H.M.
Stanfield
(1969 – 1975)

Kapten James
Wang Hing Lee
(1981 – 1993)

Kapten J.M.
Anggang
(1977 – 1981)

Kapten J. Walls
(1975 – 1977)


Kapten Ahmad
Bin Othman
(1993 – 1995)


Awang Ismail Bin
Haji Mohd Tahir
(1995)


Rossid Bin
Musa
(1995 – 1997)


Rosnan Bin
Fathlal
(2012 – 2015)



Abdul Aziz Bin
Haji Mahmud
(2009 – 2012)


Benjamin
Bernard Bijion
(2002 – 2008)


Zulkurnain Bin
Ayub
(1997 – 2001)


Abdul Nasar Bin
Abdul Hadi
(2015 – 2016)


Norjipin Bin Saidi
2017 – **KINI**



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

LAWATAN

11 JUN 2020

LAWATAN COMMAND COMMITTEE
NATIONAL TASK FORCE

Kunjungan hormat oleh
Command Committee
National Task Force ke atas
Ketua Pengarah Jabatan
Laut Malaysia

Lawatan kerja YB Menteri
Kewangan Ke Dua - YB Tuan
Mohd Shahr bin Abdullah ke
Jeti Kargo Sungai Pinang Besar,
Pulau Bebas Cukai Pangkor di
bawah kawal selia Jabatan Laut
Malaysia Wilayah Utara.



15 JUN 2020

LAWATAN MENTERI
KEWANGAN KE-2



16 JUN 2020

LAWATAN MENTERI
PENGANGKUTAN

Lawatan Program YB
Menteri Pengangkutan
Malaysia, Datuk Seri Ir
Dr Wee Ka Siong ke
Jabatan Laut Malaysia.



POSITIVE WORDS

Once you have matured, you
realize silence is more important
than proving a point.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

TAKLIMAT / PERBINCANGAN



POSITIVE QUOTES

@positive_quotes_positive_mind

Sometimes quiet people really do have a lot to say. They're just being careful about who they open up to.

Pelabuhan Selatan, Bagan Dalam, Butterworth, Pulau Pinang - Taklimat / Perbincangan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara Bersama Kastam DiRaja Malaysia Pulau Pinang Mengenai Tatacara Operasi Standard Bagi Kemasukan Kapal Konvensyen dan Bukan Konvensyen Yang Menjalankan Aktiviti Barter Trade Ke Pelabuhan Pulau Pinang

11 Jun 2020



16 Jun 2020



Ibu Pejabat Laut Wilayah Utara, Gelugor, Pulau Pinang - Taklimat Projek Penang Waterfront Harbour Cruise oleh Angkatan Kooperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

OPERASI NYAHCEMAR COVID19

10 Jun
2020

PERJUANGAN MASIH BELUM BERAKHIR

Operasi Nyahcemar Covid19 secara gotong royong dengan kerjasama pegawai dan kakitangan MATRAIN pada di Bangunan Latihan MATRAIN.



jabatanlaut



@lautmy




JabatanLautMalaysia

Like & Share

PROGRAM



Hari Pelaut Sedunia disambut kali pertama pada tahun 2011. Pihak Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah menetapkan bahawa tarikh 25 Jun setiap tahun adalah hari sambutan rasmi khusus bagi menghargai jasa, khidmat bakti dan hak-hak pelaut.



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

PROGRAM








DAY OF THE SEAFARER #SeafarersAreKeyworkers

HARI PELAUT

3.00 PM

25 JUN 2020

f JabatanLautMalaysia
(siaran langsung)

- Negaraku
- Doa
- Ucapan Ketua Pengarah Laut
- Mesej YB Menteri Pengangkutan
- Mesej IMO Sec-Gen
- Penghargaan Biasiswa KWPPPL
- Ucapan Ikon Perintis 2019
- Kompilasi Video Pelaut Malaysia
- Sesi Dialog: 'Pandemik & Pelaut'

DIALOG:
PANDEMIK & PELAUT

3.30 PM | 25 JUN 2020
f JabatanLautMalaysia



KAPT. NAZRI
ABU HASSAN
Pengarah BPPP,
JLM



KAPT. ZURAITI
ZAKIR ABIDIN
Presiden,
IKMAL



ASOKUDEN AHMAD
Setiausaha,
NUSPM



FAISAL MOHD RUSTHAM
Pengarah,
SMC

PANELIS
MODERATOR



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

MUHASABAH DIRI

Hidup adalah sebuah perjalanan .
Tidak penting dimana kita bermula
Yang penting ialah dimana kita berakhir

Sepahit apapun kejadian, suatu hari
Nanti ia akan menjadi kenangan.
Seindah apapun kehidupan, suatu hari
Nanti ia akan kita tinggalkan.

Dunia kita kumpul untuk diTINGGALKan...
Akhirat siapkan bekal untuk diDATANGI
Kerana kita akan pulang ke sana.

Bila kita kumpul DUNIA banyak,
Hati akan jadi berat ingin
Meninggalkan dunia...

Sebab CINTA dunia menjadi kuat.
Tambahan pula bila nampak
yang kita kumpul itu menimbun...

Boleh menjadi faktor
Takutkan KEMATIAN.

Tapi bila kita menambah
BEKAL akhirat banyak?
Tak sabar pula ingin pulang
ke akhirat sebab Harta dah
Dihantar banyak ke sana...
Itu yang mati tersenyum gembira.

Kalau telah di hantar amalan
dan Harta pulang ke sana...



Mahligai pun telah tersedia...
Rasa tak sabar ingin pulang ke Akhirat...

Maka pilihlah untuk meninggalkan
dunia sebelum kita meninggal dunia
dan pilihlah untuk menyelamatkan
akhirat sebelum kita pergi ke akhirat
dalam keadaan yang tidak
selamat.

Wahai orang yang menyibukkan diri dengan
Dunia, Yang LALAIKAN DIRINYA dengan
Panjang angan-angan
Kematian itu datang dengan Tiba-tiba
Tiada Kira siapa saja bila tiba saatnya
Kita Akan dijemput PULANG

PersiapkanLah BEKALMU.

#IKHLASHATIJIWA
#SELAMAT_BERAMAL



#kitateguhkitamenang
#kitamestimenang

SOP PERKHIDMATAN FERI




1

Pastikan sihat dan tiada gejala CoVid-19 sebelum memulakan perjalanan.



2

Periksa suhu badan dan sekiranya melebihi 37.5°C, tidak dibenarkan memasuki terminal dan feri.



3

Dapatkan tiket atas talian atau di mesin layan diri atau kaunter. Amalkan penjarakan sosial (1 meter) semasa di terminal dan menaiki feri.



4

Penumpang adalah dikehendaki memakai penutup mulut dan hidung sepanjang masa ketika berada di terminal dan di atas feri.



5

Kesemua penumpang adalah dikehendaki mendaftar dalam apps MySejahtera dan mengimbas QR Code semasa memasuki ruang terminal dan menaiki feri.



6

Amalkan penjarakan selamat dan penjagaan kebersihan. Sentiasa gunakan "hand sanitiser" dan kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun bagi mengelakkan jangkitan kuman.



7

Penumpang dikehendaki duduk di tempat masing-masing, kurangkan interaksi dan pergerakan semasa berada di dalam feri.



Infografik design by Team Corp JLM

Jabatan Laut Malaysia



jabatanlaut




@lautmy



JabatanLautMalaysia



Like & Share



astro
AWANI

ENGLISH

BERITA

VIDEO

FOTO

LIVE

NOTIS

Beralih ke pengalaman baharu laman web Astro AWANI. Klik di sini!

BERITA | MALAYSIA

Pengusaha bot 'island hopping' Langkawi harap dapat beroperasi segera

Abdul Hadi Che Awang, Astro Awani | Jun 15, 2020 08:30 +08 | Durasi: 1 minit, 35 saat



Aktiviti 'island hopping' atau lawatan pulau-pulau dihentikan sejak pelaksanaan PKP 18 Mac lalu. Gambar/ Astro AWANI

LANGKAWI: Meskipun sudah menerima kebenaran untuk mula beroperasi pada Isnin, namun lebih 40 pengusaha bot 'island hopping' di Pulau Langkawi tidak dapat berbuat demikian kerana mempunyai tunggakan bayaran insurans.

Pengerusi Pengusaha Bot Pelancongan *Island Hopping* Langkawi, Rasli Yahya berkata, keadaan itu berlaku kerana pengusaha tidak mampu membuat bayaran disebabkan tiada sebarang pendapatan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan 18 Mac lalu.

Malah, pengusaha juga dibebani kos yang tinggi untuk memulakan operasi semula selain memperbaiki kerosakan bot yang sudah terlalu lama tersadai.

"Harapan kita, pihak insurans dan Jabatan Laut akan memberi sedikit kelonggaran supaya kami boleh beroperasi dalam keadaan yang sedia ada dengan secepat mungkin supaya sebagai tanda sokongan untuk memulihkan semula sektor pelancongan di Langkawi.

"Setelah empat bulan tidak beroperasi, kami merayu kepada pihak insurans agar boleh mengurangkan kadar yang ditetapkan," katanya kepada Astro AWANI.

Sementara itu, pengusaha Syarikat Ilham Langkawi Holidays, Normalawati Kassim, berharap agar kesemua pengusaha yang telah dibenarkan beroperasi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk mengurangkan bilangan penumpang dalam bot.

Beliau berkata, syarikatnya melaksanakan lebih banyak promosi termasuk menurunkan harga tambang bagi menarik lebih ramai pengunjung.

"Kita akan buat yang terbaik dan berharap pelancong ramai masuk ke sini. Kita akan ikut SOP yang ada dan akan membuat promosi dengan harga yang akan diturunkan.

"Kalau ikut keadaan sekarang, memang terasa terkesan sedikit... kapasiti bot pun terpaksa dikurangkan. Tapi terpaksa ikut demi kebaikan semua pihak," katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Laut Langkawi, Ghazali Ahmad menjelaskan, pihaknya akan mengadakan satu perbincangan bersama pengusaha bot dan syarikat-syarikat insurans bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi.

Kata beliau, satu kaedah terbaik akan dicari agar semua pihak mendapat manfaat sekali gus merencanakan kembali industri pelancongan di Pulau Permata Kedah itu yang suram sejak tiga bulan lalu.



**Don't waste
your time with
explanations:
people only hear
what they want
to hear.**

~Paulo Coelho

POSITIVE QUOTES



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share

RESEPI *LOBSTER* PERKONGSIAN SANTAI MESRA DARI MEJA EDITOR



RaMuan

Bahan sos: (campurkan kesemua di dalam satu mangkuk)

4 sudu besar susu pekat manis

1 cawan air

2 sudu besar tepung jagung

garam secukup rasa

Bahan2 utk tumis:

2 ulas bawang putih, dicincang (chopped garlic)

3 biji cili padi (chopped)- kalau tak suke pedas sangat

leh tukar ngan cili besar je.

1 sudu minyak untuk menumis

3 sudu besar butter atau marjerin



LaNgkaH mASAKaN

-**lobster** di bersihkan dan di belah belakang

-sementara itu panaskan kukusan.

-letakkan **lobster** di dalam pinggan, kemudian kukus la kira-kira 10 minit (bergantung kepada saiz dan kuantiti **lobster**, kalau banyak or besar, lama sikit)

-bila dah masak, ketepikan.

untuk sos:

-panaskan minyak dan butter di dalam kualiti

- kemudian tumis bawang putih dan cili padi hingga wangi.

-seterusnya masukkan campuran susu, air, garam, dan tepung jagung. Kacau2 hingga nampak sos sedikit pekat, kemudian tutup api. Tuang kan ke atas **lobster** yang sudah di kukus tadi.

- hidangkan panas2.



JOM MAKAN



jabatanlaut



@lautmy



JabatanLautMalaysia

Like & Share